

Pertingkat kawalan di pintu masuk

Seremoni: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) meminta kerjasama agensi penguatkuasaan di sempadan negara meningkatkan kawalan di pintu masuk terhadap produk yang membabitkan rokok elektronik atau vape bagi mengelakkan lambakan produk itu di negara ini.

Menterinya Datuk Seri Dzulkefly Ahmad berkata, kemasukan produk itu dapat dikawal jika pihaknya mendapat kerjasama daripada agensi penguat kuasa seperti Kastam Diraja Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Saya ingin mene-

gaskan penguatkuasaan kawalan pintu masuk yang membabitkan kastam perlu dipertingkatkan, khususnya kemasukan produk bernikotin.

"Pihak KPDNHEP juga boleh membantu memainkan peranan dalam lambakan produk vape dan e-rokok ini, misalnya berbinang bersama FCTC (Rangka Kerja Kawalan Tembakau) mengenai stan-

dard kawalan produk itu dalam negara," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Majlis Tilawah Al-Quran KKM peringkat kebangsaan kali ke-30, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Dzulkefly berkata, bagaimanapun pihak KKM mengambil beberapa tindakan termasuk menubuhkan Jawatankuasa Kerja Pakar yang dianggotai penguat kuasa farmasi, inspektorat KKM, KPDNHEP dan Rangka Kerja Kawalan Tembakau,

"Jawatankuasa itu dipengerusikan timbalan saya Dr Lee Boon Chye bermesyuarat kali pertama pada 16 Julai lalu dan akan bermesyuarat untuk kali

kedua, esok (hari ini) bagi memperincikan penguat kuasaan terhadap vape yang bernikotin dalam masa terdekat ini, memandangkan bahan vape yang bernikotin adalah dikawal di bawah Akta Racun (1952).

"Bahagian Kawalan Penyakit juga sedang atur perbincangan dengan Kementerian Pendidikan mengenai isu penggunaan vape di kalangan pelajar sekolah," katanya.

Katanya, KKM juga berharap agar kerjasama dapat dijalankan dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) termasuk stesen televisyen bagi memastikan iklan secara langsung atau tidak langsung terhadap vape dan bahan bahannya dibantaras dan dicegah.

"Pihak KPDNHEP juga boleh membantu memainkan peranan Dr Dzulkefly"

